



KENYATAAN MEDIA

PELAJAR DAN MANGSA BANJIR TERIMA BANTUAN RM 400,000

Putrajaya, 24 Februari 2021 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) menerusi Yayasan Bank Rakyat menyerahkan sumbangan **RM200,000** kepada pelajar dalam kalangan B40 bersempena dengan pembukaan semula sesi persekolahan pada 4 Mac 2021. Dalam masa yang sama, golongan miskin yang terkesan dengan bencana banjir yang berlaku pada awal bulan Januari lalu turut menerima sumbangan secara keseluruhan berjumlah **RM200,000**. Sumbangan ini melibatkan kerjasama di antara Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd (Bank Rakyat), SME Bank dan Uda Holdings.

Pelajar-pelajar daripada keluarga berpendapatan B40 layak menerima bantuan secara 'one-off' yang berjumlah **RM200** setiap seorang. Ia merangkumi pembelian baju, kasut dan beg sekolah. Sumbangan ini melibatkan **1,000 orang pelajar** di sekitar kawasan Sarawak sempena dengan **Program Kembali ke Sekolah YBR**. Inisiatif bantuan persekolahan BTS (Back To School) yang sudah memasuki **tahun ketiga** penganjuran ini memberi manfaat kepada **33,721** pelajar dengan peruntukan sebanyak **RM3.07 juta**.

Bantuan dalam pelbagai bentuk bernilai **RM200** juga diberikan kepada setiap keluarga yang telah dikenalpasti terkesan akibat kemusnahan dan kerosakan harta benda daripada musibah banjir. Seramai **500 keluarga mangsa banjir** di sekitar kawasan Sarawak yang memerlukan bantuan keperluan asas bagi kelangsungan hidup akan menerima manfaat ini. Selain itu, peruntukan sebanyak **RM100,000** lagi akan diberikan kepada keluarga mangsa banjir yang terlibat di seluruh negara.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), YB. Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar berkata, “sumbangan ini diharapkan dapat membantu meringankan beban keluarga dalam menyediakan kelengkapan persekolahan anak-anak mereka bagi sesi pengajaran & pembelajaran (P&P) dalam sesi persekolahan kelak”.

Beliau juga amat berterima kasih dan menyokong inisiatif Yayasan Bank Rakyat dalam membantu memberikan bantuan kepada masyarakat yang dilanda bencana serta sokongan yang diberikan oleh agensi di bawah MEDAC yang turut sama-sama menyumbang dalam usaha ini.

"Diharapkan lebih banyak entiti korporat dan organisasi lain dapat turut sama membantu dalam memberi bantuan-bantuan sebegini. Ini membuktikan syarikat-syarikat korporat turut mengambil berat terhadap mereka yang memerlukan," menurut YB. Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar.

Pada majlis yang sama, Datuk Nazir Hussin Akhtar Hussin juga berkata, “Program bantuan persekolahan serta bantuan banjir anjuran YBR ini merupakan satu aktiviti kemasyarakatan seiring dengan keprihatinan kerajaan dalam memfokuskan kesejahteraan rakyat serta membantu mereka yang memerlukan khususnya yang ditimpa bencana”.

Replika cek sumbangan ini disempurnakan oleh YB Dato Sri Dr. Hj Wan Junaidi Bin Tuanku Jaafar dalam satu majlis ringkas di Pejabat Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, di sini hari ini. Turut hadir adalah YB. Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin, Timbalan Menteri MEDAC, Ketua Setiausaha Kementerian, Dato’ Suriani binti Dato’ Ahmad, Pengerusi Yayasan Bank Rakyat, Datuk Nazir Hussin Aktar Hussin, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Bank Rakyat, Datuk Syed Abdul Aziz Syed Hassan, Ketua Pegawai Eksekutif SME Bank, Aria Putera Ismail dan Ketua Pegawai Eksekutif Uda Holdings, Mohd Salem Kailany serta barisan Pengurusan Tertinggi Kementerian serta Agensi.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
24 FEBRUARI 2021